

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 3 (82)

13 November 2024
11 Jamadilawal 1446

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 39/2024

PEMAKLUMAN MAJLIS KONVOKESYEN KE-68 (MK68) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor telah berkenan diadakan Majlis Konvokesyen ke-68 Universiti Teknologi Malaysia pada **16 November 2024 sehingga 24 November 2024** iaitu bersamaan dengan 14 Jamadilawal 1446 sehingga 22 Jamadilawal 1446.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 10/2024 pada 11 Jun 2024 telah menetapkan bersempena dengan Majlis Konvokesyen ini, semua Ketua Pusat Tanggungjawab adalah diminta untuk menangguhkan sebarang majlis di dalam kampus pada tarikh berkenaan. Jika terdapat sebarang program dan aktiviti yang tidak dapat ditangguhkan, Ketua Pusat Tanggungjawab perlulah mendapatkan kelulusan penganjurannya daripada Pendaftar.

3. Keputusan ini adalah bagi meraikan kejayaan graduan dan para tetamu yang hadir. Semua Ketua Pusat Tanggungjawab juga diminta memberikan kerjasama untuk membenarkan staf bertugas bagi tujuan Majlis Konvokesyen tersebut. Ahli Senat dan Staf Akademik yang dijemput untuk meraikan majlis ini dan diharap tidak berhalangan untuk hadir bagi melaksanakan amanah yang diberikan.

4. Semua warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum dan memberikan komitmen sepenuhnya sepanjang Majlis Konvokesyen ke-68 Universiti Teknologi Malaysia berlangsung.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah UTM Kampus Pagoh
 - Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah